

**Nota:**

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan Cancer Protector (ini merupakan suatu produk insurans). Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

**Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan :**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")

Nama Produk : Cancer Protector

Tarikh: 24/03/2023

**1. Apakah produk ini?**

Cancer Protector ialah pelan endowmen tanpa penyertaan dalam keuntungan bagi tujuan perlindungan, yang matang pada ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan berumur 80 tahun hari jadi berikutnya. Pelan ini menyediakan manfaat kanser peringkat awal, kanser peringkat pertengahan dan kanser peringkat akhir, kematian atau polisi matang.

## 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang disediakan?

Jumlah Asurans Asas bagi pelan ini ialah RM 200,000.00 .

Manfaat bagi pelan ini dan huraian pembayaran seperti dinyatakan di bawah:

No.	Manfaat	Huraian Pembayaran
1	Manfaat Kanser	Manfaat Kanser Peringkat Awal i) Karsinoma in situ ("CIS") ii) Kanser Prostat Peringkat Awal iii) Kanser Tiroid Peringkat Awal iv) Kanser Pundi Peringkat Awal v) Leukemia Limfositik Kronik Peringkat Awal
		50% daripada Jumlah Asurans Asas
		Manfaat Kanser Peringkat Pertengahan i) Mastektomi untuk CIS Payudara ii) Prostatektomi untuk Kanser Prostat Peringkat Awal
		Manfaat Kanser Peringkat Akhir
		150% daripada Jumlah Asurans Asas atau jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah, mana yang lebih tinggi.
		150% daripada Jumlah Asurans Asas atau jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah, mana yang lebih tinggi.
2	Manfaat Pemulihan Semula	RM20,000 ke atas satu hayat boleh dibayar bagi kanser peringkat pertengahan atau kanser peringkat akhir.
3	Manfaat Kematian	Jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah atau nilai tunai, mana yang lebih tinggi.
4	Manfaat Matang	100% daripada Jumlah Asurans Asas atau jumlah premium yang telah dibayar tanpa faedah, mana yang lebih tinggi.

Nota:

- Manfaat Kanser Peringkat Awal hanya boleh dituntut sekali sahaja. Jika lebih daripada satu kanser peringkat awal didiagnosis pada masa yang sama, hanya satu tuntutan kanser peringkat awal boleh dibayar.
- Premium akan kekal sama selepas tuntutan Manfaat Kanser Peringkat Awal.
- Jika lebih daripada satu tuntutan di bawah mana-mana peringkat kanser yang berbeza, hanya tuntutan paling tinggi yang telah dibenarkan boleh dibayar. Sebaik sahaja tuntutan diterima, tiada tuntutan lagi boleh dilakukan bagi peringkat kanser yang sama atau lebih rendah.
- Tiada tempoh menunggu di antara tuntutan.
- 150% Jumlah Asurans Asas yang dibayar bagi sebarang tuntutan yang dibuat untuk kanser peringkat pertengahan atau kanser peringkat akhir tertakluk pada penolakan sebarang tuntutan yang telah dibayar sebelumnya bagi Manfaat Kanser Peringkat Awal.
- Polisi akan difatmatkan selepas tuntutan bagi kanser peringkat pertengahan atau kanser peringkat akhir telah dibayar, mana yang berlaku dahulu.
- Manfaat Pemulihan Semula akan dibayar bersama Manfaat Kanser Peringkat Pertengahan atau Peringkat Akhir dan tidak tertakluk pada penolakan sebarang pembayaran Manfaat Kanser Peringkat Awal, jika ada.
- Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia dan tuntutan telah dibayar bagi Manfaat Kanser Peringkat Awal, Jumlah Asurans Asas bagi tujuan pengiraan nilai tunai sebagai sebahagian daripada manfaat kematian tertakluk pada penolakan sebarang tuntutan yang telah dibayar sebelumnya bagi Manfaat Kanser Peringkat Awal.
- Jumlah Asurans Asas berkenaan Manfaat Matang yang dibayar tertakluk pada penolakan sebarang tuntutan yang telah dibayar sebelumnya untuk Manfaat Kanser Peringkat Awal.

Namun, jika suatu tuntutan kanser yang sah berlaku sebelum umur 5 tahun hari jadi berikut, lien kanak-kanak akan dikenakan.

Anda boleh rujuk Ilustrasi Jualan berkaitan dengan Nilai Tunai Dijamin yang dibayar.

Manfaat di atas tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan: 37 tahun atau semasa penamatkan, mana yang berlaku dahulu.

### **3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

- a) Anggaran premium yang anda perlu bayar bagi pelan ini ialah : RM (                   ) Tahunan  
b) Tempoh premium: 22 tahun atau semasa penamatian, mana yang berlaku dahulu.

Kadar premium yang dikenakan bergantung pada umur hari jadi berikut semasa kemasukan, jantina dan status merokok. Namun, premium adalah lebih tinggi bagi perlindungan yang lebih tinggi.

Kadar premium adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat pada ulang tahun polisi. Syarikat berhak menyemak semula premium dengan memberikan anda notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan terlebih dahulu. Semakan semula, jika ada, menyasarkan untuk menggambarkan pengalaman tuntutan kami atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan untuk semua pemilik polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.

Apabila membayar premium, sila pastikan anda mendapat dan menyimpan resit rasmi janaan komputer sebagai bukti pembayaran premium.

Perlindungan insurans sementara akan diberi dari tarikh penerimaan pembayaran premium. Sila rujuk Sijil Perlindungan Sementara Bersyarat untuk terma dan syarat bagi tempoh perlindungan sementara tersebut sehingga tarikh keluaran polisi.

Kontrak polisi akan dihantar kepada kakitangan jualan Bank anda dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh keluaran polisi.

### **4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**

Semua premium yang dibayar oleh Organisasi Perniagaan selain daripada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad tertakluk pada cukai perkhidmatan semasa yang dikenakan kerajaan. Tiada yuran dan caj lain dikenakan.

Peratusan komisen yang dibayar kepada Bank seperti berikut:

Tahun Polisi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	>=11
Komisen ditanggung oleh anda dan dibayar daripada premium anda (%)	30.00	20.00	15.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	0.00
Komisen ditanggung oleh anda dan dibayar daripada premium anda (RM)	1,968.00	1,312.00	984.00	328.00	328.00	328.00	328.00	328.00	328.00	328.00	0.00

Ilustrasi di atas menunjukkan amaun yang diterima pengantara untuk jualan polisi ini dan perkhidmatan yang diberi pengantara bagi tempoh polisi anda. Amaun ini juga termasuk amaun yang mungkin berhak diterima pengantara bagi tempoh polisi anda, dengan syarat mereka memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan Syarikat.

### **5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?**

- a) **Kepentingan untuk membuat pendedahan** – anda hendaklah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan umur dengan betul.
- b) **Tempoh memerhati bebas** – anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans anda dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerima. Premium yang telah dibayar (setelah ditolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung) akan dibayar balik kepada anda.
- c) **Tempoh menunggu** – kelayakan bagi Manfaat Kanser hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula pelan ini, mana yang kemudian.
- d) **Tempoh tenggang** – suatu tempoh tenggang selama 30 hari daripada setiap premium yang perlu dibayar diberi kepada anda untuk membayar premium berikutnya.
- e) **Tuntutan** – jika tuntutan berlaku, pihak yang menuntut mestilah memaklumkan Syarikat dengan secepat mungkin, berserta keterangan berdokumen seperti yang diperlukan.
- f) **Serahan** – Nilai Tunai Dijamin akan dibayar apabila polisi diserahkan. Nilai Tunai Dijamin boleh didapati pada ulang tahun polisi kedua dengan syarat 2 tahun premium sebelumnya telah dibayar. Jika polisi diserahkan dan suatu tuntutan telah dibayar bagi Manfaat Kanser Peringkat Awal, Jumlah Asurans Asas bagi tujuan pengiraan Nilai Tunai Dijamin tertakluk pada penolakan sebarang tuntutan yang telah dibayar sebelumnya bagi Manfaat Kanser Peringkat Awal.

**Nota :**

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

### i) Kematian

Kematian dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Permulaan Risiko atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.

### ii) Kanser

Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang Manfaat Kanser atau Manfaat Pemulihan di bawah pelan ini jika kanser peringkat awal, kanser peringkat pertengahan atau kanser peringkat akhir, termasuk sebarang keadaan yang berkaitan seperti berikut:

- . telah sedia wujud sebelum Tarikh Permulaan Risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
- . telah berlaku kepada hayat yang diasuranskan iaitu:
  - a) sebarang keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis:
    - i) semasa Tempoh Menunggu; atau
    - ii) selepas Tempoh Menunggu tamat tetapi berkaitan dengan sesuatu keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu; atau
  - b) tanda dan gejala yang sedia wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikiran waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas Tempoh Menunggu tamat.
- . Suatu tuntutan tidak akan diterima semata-mata kerana pemberitahuan tuntutan tersebut telah diberi kepada Syarikat selepas Tempoh Menunggu tamat.
- . telah didiagnosis akibat kecacatan atau penyakit kongenital secara langsung atau tidak langsung, yang jelas atau telah didiagnosis sebelum hayat yang diasuransikan mencapai umur tujuh belas (17) tahun hari jadi berikut.
- . disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Syarikat berhak meminta hayat yang diasuransikan menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terlebih dahulu sebelum membenarkan sebarang tuntutan. Bagi tujuan polisi ini, jangkitan dianggap telah berlaku apabila darah atau ujian lain yang relevan telah menunjukkan kehadiran sebarang HIV atau antibodi untuk virus tersebut mengikut pendapat Syarikat.
- . disebabkan penyalahgunaan alkohol atau dadah secara langsung.

**Nota :**

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

## 7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?

Ya, anda boleh membatalkan pelan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Namun, anda tidak dinasihatkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Membeli polisi hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium semasa tempoh tenggang selama 30 hari, polisi anda mungkin luput melainkan ia mempunyai nilai tunai. Amaun tunai yang dibayar oleh Syarikat apabila anda membatalkan polisi sebelum tempoh matang akan lebih rendah berbanding amaun premium keseluruhan yang anda telah bayar.

## 8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya atau penama saya?

Anda hendaklah memaklumkan Syarikat jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda atau penama anda bagi memastikan semua surat-menyerat dapat diserahkan kepada anda atau penama anda dengan sepatutnya.

## 9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan insurans hayat serta insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

### Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern, 303, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur.

Tel : (603) 4259 8888

E-mel : [bancadmin@greateasternlife.com](mailto:bancadmin@greateasternlife.com)

Customer Service Careline : 1300-1300 88

Laman sesawang : [greateasternlife.com](http://greateasternlife.com)

Faks : (603) 4813 0506

### OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)

Ibu Pejabat: Menara OCBC, No. 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

Talian Khidmat Pelanggan (603) 8317 5000 Laman sesawang: [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my)

## 10. Jenis perlindungan lain yang serupa.

Sila semak dengan kakitangan jualan Bank anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

**NOTA PENTING:**

**MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS PELAN YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN KAKITANGAN JUALAN BANK ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

**Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).**

Istilah "Bank" merujuk kepada OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W).

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada : 24/03/2023